

Media Title : www.msn.com
Headline : Johor bina lebih banyak rumah mampu milik
Date : 2 December 2020
Page : 0
Size : 21.17x50.83

The screenshot shows a news article from msn news. At the top, there's a navigation bar with the msn news logo, a search bar, and a sign-in button. Below the header, there are four small thumbnail images with captions: "Klinik Perubatan Laurent Bleu tawar ujian", "'Budget will keep farmers poor'", "Ellen Page kini lelaki", and "#Showbiz: B teases crypti". The main title of the article is "Johor bina lebih banyak rumah mampu milik". Below the title, it says "Mohamed Farid Noh 2 hrs ago" and has sharing icons for LinkedIn, Facebook, Twitter, WhatsApp, and Email. A copyright notice at the bottom left reads: "© Provided by Berita Harian Kerajaan Johor akan membina lebih banyak kediaman rumah mampu milik. Gambar iasian NSTP/MOHD AMIN JALIL". The article content discusses Johor's plans to build more affordable houses,引述了ISKANDAR PUTERI和Ayub Jamil的话，以及Datuk Zulkurnain Kamisan和Ayub关于Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ)的评论。文章还提到了与其他机构的合作，如Kerajaan Persekutuan和一些私人公司。

Media Title : www.msn.com

Headline : Johor bina lebih banyak rumah mampu milik

Date : 2 December 2020

Page : 0

Size : 21.17x50.83

msn news powered by Microsoft News

Klinik Perubatan Laurent Bleu tawar ujian

'Budget will keep farmers poor'

Ellen Page kini lelaki

#Showbiz: B teases crypti

Johor bina lebih banyak rumah mampu milik

Mohamed Farid Noh 2 hrs ago

farid_noh@bh.com.my

ISKANDAR PUTERI: Rumah mampu milik di negeri ini masih tidak mencukupi kerana permintaan melebihi penawaran.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Ayub Jamil, berkata jumlah rumah mampu milik yang disiapkan sejak 2018 sehingga tahun ini sebanyak 11,128 unit.

"Tahun depan kerajaan negeri menyasarkan pembinaan rumah mampu milik di Johor sebanyak 1,579 unit.

"Kerajaan negeri sudah menggariskan strategi bagi menambah lagi bilangan rumah mampu milik di Johor dengan pelaksanaan Kempen Transisi 2.0, iaitu satu insentif galakan kepada pihak pemaju untuk terus membina rumah mampu milik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Zulkurnain Kamisan (BN-Seri Medan) berkaitan jumlah rumah mampu milik di Johor pada sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-14, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Ayub yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rengit berkata, menerusi Kempen Transisi 2.0, sebanyak 15,000 unit rumah akan dibina menjelang tahun 2025.

Katanya, kerajaan Johor juga menetapkan setiap pembangunan yang akan dibina oleh pihak pemaju perlulah menyediakan komponen Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ), sekurang-kuranya 40 peratus bagi setiap pembangunan yang dimajukan, bagi meningkatkan penawaran rumah mampu milik di negeri ini.

"Kerajaan negeri turut menjalin kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan bagi pembangunan RMBJ. Antaranya Kumpulan Prasarana Rakyat Johor dan Perbadanan Islam Johor, dengan unjuran rumah mampu milik yang dibina sebanyak 1,427 unit.

"Kerajaan Johor juga bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan menerusi penyediaan dana yang diumumkan bagi membina dan menyiapkan rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat, Perumahan Penjawat Awam Malaysia, PR1MA dan Syarikat Perumahan Negara Berhad," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

© 2020 Microsoft Privacy & Cookies Terms of use ...